



Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil P165 Tanjung Piai

29 November 2019

Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai

1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) P165 Tanjung Piai telah dijalankan berikutan kekosongan luar jangka kerusi tersebut kerana kematian penyandanginya, YB Datuk Wira Dr. Md Farid Bin Md Rafik pada 21 September 2019.

Hari penamaan calon PRK telah dijalankan pada 2 November 2019 dan hari mengundi pada 16 November 2019.

Terdapat 6 calon yang bertanding dalam PRK ini, iaitu calon Pakatan Harapan (PH) Karmaine Bin Sardini, calon Barisan Nasional (BN) Wee Jeck Seng, calon Barisan Jemaah Islamiah Se Malaysia (BERJASA) Badhrulhisham Bin Abdul Aziz, calon Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) Wendy Subramaniam, calon bebas Ang Chuan Lock dan Faridah Aryani Binti Abd Ghaffar.

BERSIH 2.0 telah menghantar 5 pemerhati pilihan raya yang terdiri daripada urusetia dan sukarelawan BERSIH 2.0 untuk menjalankan pemerhatian dalam proses penamaan calon, kempen pilihan raya, pengundian dan pengiraan undi dan penjumlahan undi.

Pemerhatian BERSIH 2.0 memberi fokus kepada masalah-masalah yang bertentangan dengan prinsip pilihan raya yang bersih dan adil dan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku sepanjang pilihan raya.

BERSIH 2.0 telah mencatat 21 kes kesalahan pilihan raya dan 10 kes salah laku sejak kerusi parlimen Tanjung Piai diumumkan kosong. Pecahan kes mengikut kategori dan parti politik adalah seperti berikut:

Kategori	PH	BN	Parti/Calon Lain	Jumlah
Kesalahan pilihan raya				
Pemberian makanan dan hadiah	3	0	0	2
Berkempen pada hari mengundi	9	9	0	18
Jumlah	12	9	0	21
Salah laku				
Salah guna sumber kerajaan	10	0	0	10
Jumlah	10	0	0	10

2. Proses penamaan calon

Pemerhati BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penamaan calon di pusat penamaan calon, Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian pada 2 November 2019.

Proses penamaan calon dijalankan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

3. Kempen pilihan raya

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian sepanjang tempoh pilihan raya dan mencatat masalah-masalah seperti berikut:

3.1 Pemberian makanan dan hadiah

Perbuatan memberi makanan atau bekalan sebelum, semasa dan selepas pilihan raya untuk mempengaruhi pengundi secara rasuah ialah satu kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya. BERSIH 2.0 telah merakam 3 kesalahan yang dilakukan oleh PH dalam PRK Tanjung Piai.

1. Pada 29 Oktober 2019, setiausaha politik kepada Perdana Menteri, Abu Bakar Yahya menyerahkan bekalan makanan seperti beras, biskut, mi segera dan sebagainya kepada penduduk di Ladang Sungai Burong, Pekan Nenas Selatan.¹



Gambar menunjukkan Abu Bakar Yahya menyerahkan beras kepada penduduk.

2. Pada 8 November 2019, kad sim prabayar yang bernilai RM10 diberi secara percuma kepada pengundi yang hadir ke ceramah umum PH di Tenggayun, Pontian.²
3. Pada 9 November 2019, PH telah mengadakan program ramah bersama pengundi setempat di Kedai Sate Mak Yam, Pekan Nanas. Makanan percuma disediakan kepada penduduk yang hadir ke aktiviti kempen tersebut.³

¹ Hantaran Facebook, 30 Oktober 2019: <https://www.facebook.com/allyadiakash/posts/953761361625186>

² Malaysiakini, "MCA bidas PH beri sim kad percuma di Tg Piai", 9 November 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/499191>

³ Laporan pemerhati BERSIH 2.0



Gambar menunjukkan makanan disediakan kepada penduduk yang hadir ke program ramah bersama penduduk PH.

3.1.2 Salah guna sumber kerajaan

BERSIH 2.0 telah mencatat 10 kes salah guna sumber kerajaan untuk berkempen oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Johor dalam PRK Tanjung Piai yang melibatkan jumlah sekurang-kurangnya 23.93 juta.

Walaupun undang-undang yang ada masih belum menjadikan perbuatan tersebut sebagai satu kesalahan untuk kerajaan menggunakan kedudukan dan sumber kerajaan untuk berkempen bagi parti politik mereka, namun ianya bercanggah dengan prinsip pilihan raya adil dan bersih dan etika politik apabila tidak ada pemisahan antara peranan kerajaan dan tugas parti di dalam kempen pilihan raya.

Kes-kes yang dicatat adalah seperti berikut:

1. Pada 13 Oktober 2019, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin mengumumkan peruntukan berjumlah RM3 juta bagi kerja-kerja baik pulih di Kukup ketika menjalankan lawatan kerja di kawasan tersebut.⁴
2. Pada 15 Oktober 2019, Menteri Pembangunan Luar Bandar Rina Mohd Harun mengumumkan pemasangan 264 lampu jalan di jajaran jalan raya luar bandar di Tanjung Piai dengan kos RM127,776 dan menyampaikan 23 geran berjumlah RM230,000 kepada 23 wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di kawasan parlimen Tanjung Piai.⁵

⁴ Hantaran laman Facebook Zuraida Kamaruddin, 13 Oktober 2019:

<https://www.facebook.com/ZuraidaKamaruddinP.99/photos/2460119587571359/>

⁵ Berita Harian, "Jajaran baharu Tanjung Piai bangunkan luar bandar", 15 Oktober 2019:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/617979/jajaran-baharu-tanjung-piai-bangunkan-luar-bandar>

3. Pada 19 Oktober 2019, Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq mengumumkan peruntukan berjumlah RM4 juta untuk menaik taraf enam gelanggang futsal dan satu padang bola sepak di Tanjung Piai.⁶
4. Pada 20 Oktober 2019, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub mengumumkan peruntukan berjumlah RM3 juta bagi membina semula dan menaik taraf jeti di Jeram Batu, Sungai Boh dan Pengkalan Penghulu.⁷
5. Pada 28 Oktober 2019, Menteri Dalam Negeri Muhyiddin Yassin mengumumkan RM7 juta peruntukan tambahan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi disalurkan bagi pembangunan Tanjung Piai sewaktu Majlis Memperkenalkan Calon PH.⁸
6. Pada 1 November 2019, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub memberi RM56,000 bantuan khas kepada seorang nelayan yang rumahnya terbakar, memperuntukkan RM1 juta untuk membantu 78 penternak ikan sangkar yang terjejas akibat taufan dan RM1 juta lagi bagi pemulihan jeti nelayan uzur di Tanjung Piai.⁹
7. Pada 4 November 2019, Menteri Pertanian dan Industri Tani memberi sumbangan RM5,000 kepada SJK (C) Pei Chio, Kukup Laut.¹⁰
8. Pada 6 November 2019, Menteri Besar Johor Dr Sahrudin Jamal mengumumkan bantuan khas RM1,000 kepada nelayan pantai yang terjejas akibat kegiatan pembangunan di Johor Selatan. Ia membabitkan kos sebanyak RM1.513 juta daripada Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor.¹¹
9. Pada 11 November 2019, Menteri Pendidikan, Maszlee Malik mengumumkan peruntukan berjumlah RM3 juta untuk enam sekolah di kawasan Tanjung Piai untuk membina dewan terbuka. Beliau membuat pengumuman tersebut di majlis pecah tanah dewan terbuka SK Batu 24, Pekan Nanas bersama calon PH Karmaine Sardini.¹²

⁶ The Star Online, "Syed Saddiq: Sports facilities in Tanjung Piai to get RM4mil upgrade", 19 Oktober 2019: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/10/19/syed-saddiq-sports-facilities-in-tanjung-piai-to-get-rm4mil-upgrade>

⁷ Sinar Harian, "RM3 juta naik taraf tiga jeti di Tanjung Piai", 21 Oktober 2019: <https://www.sinarharian.com.my/article/53171/BERITA/Nasional/RM3-juta-naik-taraf-tiga-jeti-di-Tanjung-Piai>

⁸ Sinar Harian, "Kos tambahan RM7 juta untuk pembangunan Tanjung Piai Artikel Penuh", 28 Oktober 2019: <https://www.sinarharian.com.my/article/54411/PRU/PRK-Tanjung-Piai/Kos-tambahan-RM7-juta-untuk-pembangunan-Tanjung-Piai>

⁹ Malaysiakini, "Bantu rumah terbakar takkan nak tunggu lepas PRK - Salahuddin", 1 November 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/498251>

¹⁰ Malaysiakini, "Saya menteri, boleh beri sumbangan pada sekolah bila-bila masa", 5 November 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/498732>

¹¹ Malaysiakini, "Nelayan rasa pelik bantuan khas waktu PRK", 6 November 2019: <https://www.malaysiakini.com/news/498888>

¹² Sinar Harian, "Enam sekolah di Tanjung Piai bakal ada dewan terbuka: Maszlee", 11 November 2019: <https://www.sinarharian.com.my/article/56659/PRU/PRK-Tanjung-Piai/Enam-sekolah-di-Tanjung-Piai-bakal-ada-dewan-terbuka-Maszlee>

10. Pada 10 November 2019, ketika menghadiri program Sembang Santai Mesra Harapan bersama calon PH Karmaine Sardini, Menteri Hal Ehwal Ekonomi Mohamed Azmin Ali mengumumkan kerajaan akan mewujudkan sebuah koridor ekonomi baharu di Johor yang akan menggalakkan pembangunan dan merangsang aktiviti ekonomi di daerah-daerah kecil di negeri ini, mulai tahun hadapan.¹³

3.3 Isu permit polis untuk kempen rumah ke rumah

Polis Diraja Malaysia pertama kali menetapkan syarat permohonan permit untuk calon PRK Tanjung Piai bagi tujuan berkempen dari rumah ke rumah. Syarat tersebut adalah tidak berasaskan undang-undang tidak menjadi amalan dalam sejarah pilihan raya di Malaysia. BERSIH 2.0 telah menggesa agar pihak PDRM dan SPR menarik balik peraturan tersebut.¹⁴

4. Hari mengundi

Pemerhati BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian di 11 pusat mengundi pada hari mengundi. Secara keseluruhan, proses mengundi dijalankan dengan lancar.

Terdapat pondok panas atau aktiviti meraih undi oleh BN dan PH di luar 9 daripada 11 pusat mengundi yang dilawat, iaitu SK Seri Bunian, SK Tanjung Ayer Hitam, SK Parit Haji Adnan, SK Melayu Raya, SK Kampong Sawah, SK Parit Kudus, SK Sungai Boh, SK Sungai Durian dan SK Serkat. Kedua-dua parti tersebut masing-masing mencatat 9 kes yang melanggar batasan menjalankan aktiviti kempen pada hari mengundi di bawah Seksyen 26 Akta Kesalahan Pilihan Raya.

¹³ Bernama, "Koridor ekonomi baharu di Johor untuk bangunkan pekan, bandar kecil", 10 November 2019: <http://www.bernama.com/bm/politik/news-tanjung-piai.php?id=1788092>

¹⁴ Kenyataan Bersih 2.0, 13 November 2019: <https://www.bersih.org/kenyataan-media-bersih-2-0-13-november-2019-tarik-balik-peraturan-permit-polis-untuk-berkempen-rumah-ke-rumah/>



Gambar menunjukkan pondok panas dan aktiviti meraih undi di luar SK Seri Bunian.



Gambar menunjukkan pondok panas dan aktiviti meraih undi di luar SK Sungai Boh.

5. Penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi

BERSIH 2.0 telah menjalankan pemerhatian terhadap proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian.

Proses penjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan rasmi dijalankan dengan lancar dan memuaskan.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhan, perjalanan PRK Tanjung Piai dikendalikan dengan lancar oleh SPR. Walaupun demikian, integriti pilihan raya tercemar dengan kelakuan pemimpin dan menteri PH yang memberi pengaruh tidak wajar kepada pengundi dengan pelbagai pengumuman peruntukan kerajaan baru untuk kawasan Tanjung Piai.

BERSIH 2.0 mencadangkan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dipinda untuk melarang penggunaan sumber kerajaan untuk berkempen supaya padang permainan semua calon adalah sama rata dalam pilihan raya.